



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 26 NOVEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SYARIKAT PENGELUAR BENIH DIGESA MELABUR DI MALAYSIA, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -19	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	DR WEE URGES MACC TO PROBE DIRECT AWARD OF RM1.4BIL CONTRACT TO NAFAS, NEWS, MALAYSIA MSN -6	
3.	WELCOME SEED COMPANIES TO DEVELOP IN MALAYSIA, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3	
4.	PELADANG MUDA HARAP KONTRAK DIBERIKAN KEPADA NAFAS, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10	
5.	WEE: MACC SHOULD PROBE RM1.4BIL DIRECT CONTRACT AWARD TO NAFAS, NATION, THE STAR -11	
6.	'ISU BERI KONTRAK BUKAN SKANDAL', TENGAH, HARIAN METRO -23	
7.	'TENDER RM1.4 BILION BUKAN SKANDAL', NASIONAL, SINAR HARIAN -14	
8.	RUNDINGAN BUKAN SKANDAL, NASIONAL, BERITA HARIAN -4	
9.	PROJEK PSR MASIH BELUM DIPUTUSKAN, SINAR SIASAT, SINAR HARIAN -8	
10.	SOKONG KONTRAK BERKAITAN PADI DIBERI KEPADA NAFAS, NASIONAL, BERITA HARIAN -4	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN(NAFAS)
11.	SOKONG SECARA RUNDINGAN TERUS, NASIONAL, SINAR HARIAN -14	
12.	PROJEK MEGA PERLU PATUHI 72 SYARAT, SINAR SIASAT, SINAR HARIAN -8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13.	TIGA PULAU BUATAN MUSNAHKAN EKOSISTEM LAUT, SINAR SIASAT, SINAR HARIAN -9	
14.	NELAYAN PULAU PINANG, PERAK AKAN TERSEKSA, SINAR SIASAT, SINAR HARIAN -9	
15.	PERSATUAN NELAYAN BIMBANG TUKUN TIRUAN AKAN MUSNAH, SINAR SIASAT, SINAR HARIAN- 10	
16.	DULU JELUTONG SYURGA IKAN SEMBILANG, SINAR SIASAT, SINAR HARIAN- 10	
17.	SISTEM KAWAL SELIA, SINAR NEGERI N.SEMBILAN/MELAKA, SINAR HARIAN -32	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Syarikat pengeluar benih digesa melabur di Malaysia		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	26 Nov 2019	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	19	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	283 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,684
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,052



MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Salahuddin Ayub mendengar penjelasan daripada Pengurus Inovasi Pusat Vegetarian Vegetarian, Mandy Li Ju Lin (kanan) ketika melawat stesen itu di Kongres Haiwan Asia 26 (ASC2019) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) semalam. Turut hadir ialah Presiden Persatuan Benih Asia-Pasifik (APSA) Tahir Saleemi (kiri).

Syarikat pengeluar benih digesa melabur di Malaysia

KUALA LUMPUR: Lebih banyak syarikat pengeluar benih perlu datang ke Malaysia dan mencari peluang untuk menjalin kerjasama penyelidikan selain menghasilkan biji benih.

Ketika membuat gesaan itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pada masa ini terdapat hanya sebuah syarikat pengeluar benih tempatan dan sebuah syarikat pengeluar benih dari luar negara yang berpangkalan di negara ini.

"Kebanyakan syarikat tempatan lain di sini ada-

lah pedagang benih, dan Malaysia dikenali sebagai negara persinggahan bagi import dan eksport biji benih berikutan lokasinya yang strategik," katanya ketika merasmikan Kongres Benih Asia 2019 di sini, semalam.

Salahuddin berkata dengan perubahan iklim yang melanda dunia, saiz tanah pertanian yang semakin berkurangan dan isu alam sekitar, adalah penting supaya biji benih berkualiti tinggi digunakan dalam pertanian.

Sehubungan itu, beliau berkata varieti benih yang memberi banyak hasil,

matang awal, toleran kepada perosak dan penyakit serta iklim melampau amat penting untuk membantu meningkatkan pengeluaran tanaman makanan dan sayur-sayuran untuk kegunaan dunia.

Kira-kira 1,400 wakil dari 48 negara mewakili 520 syarikat pengeluar benih mengambil bahagian dalam kongres yang berlangsung sehingga Jumaat.

Kongres itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Benih Asia dan Pasifik (APSA) dan Persatuan Benih Kebangsaan Malaysia (NSAM). - BERNAMA

Headline	Dr Wee urges MACC to probe direct award of RM1.4bil contract to Nafas		
MediaTitle	Malaysia MSN (www.msn.com/en-my)		
Date	26 Nov 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	6	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,400
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,200

Dr Wee urges MACC to probe direct award of RM1.4bil contract to Nafas

KUALA LUMPUR: The Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) should investigate the direct award of a RM1.4bil contract to the National Farmers Organisation (Nafas) by the Agriculture and Agro-based Industry Ministry, says Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (pic...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Welcome seed companies to develop in Malaysia		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	26 Nov 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	618 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,774
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,321



沙拉胡丁（右二）与嘉宾以浇水灌溉方式，为亚洲种子大会主
持开幕。

农长：研究合作 欢迎种子公司发展

【吉隆坡 25 日讯】农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁希望更多种子公司在我国开拓机会，以进行研究合作及生产种子。

亚洲种子大会

他指出，目前我国只有一家本地种子公司，以及一家驻我国的外国种子公司。

他今天在 2019 年亚洲种子大会开幕礼上说：“大部

分本地的种子公司是贸易商，基于我国的战略地点，我国是种子进出口的过境国家。”

沙拉胡丁说，由于气候变化，农业地减少及环境问题，因此需要使用良好品质的农业种子。

他指出，高产、早熟、抗虫害和耐旱度气候的种子，对增加粮食作物和蔬菜产量方面相当重要。

14 亿工程招标事件 “不知秘书长停职传言”

沙拉胡丁表示，他对该部秘书长已因“14 亿令吉工程直接批给农业银行及全国农民组织 (NAFAS)”一事，被停职的传言一无所知。

一名来自国家诚信党的领袖，昨天指责该名秘书长阴谋破坏部长，引发了秘书长被停职的传言。

“我不知道秘书长的立场，也不知道是否对他采取了行动。”

拒绝评论秘书长缺席

他今日主持 2019 年亚洲种子大会后，向媒体表示，这家需要向政府首席秘书，他没有任何有关的讯息。

他拒绝评论秘书长缺席今日的活动。

一名诚信党的领袖昨天声称，秘书长在部长不知情的情况下，进行了 14 亿令吉

后来工程招标，打击沙拉胡丁。

沙拉胡丁也承认，他有写信给首相敦马哈迪医生，要求以直接洽谈方式把 14 亿工程，批给农业银行及全国农民组织。

他坚持认为，他写这封信给首相，是根据程序，这也是他的责任，但目前工程颁布还没有最终决定。

马华总会长拿督斯里魏家祥博士日前指责沙拉胡丁涉嫌“私相授受”，将价值约 14 亿令吉的工程直接批给农业银行及全国农民组织，而该组织主席正是来自诚信党。

他说，原本有数家本地公司原本透过公开招标，成功标下稻米出口补贴 (SMP) 组下一些工程，但随后公开招标直接被取消，最后由农业银行及 NAFAS 获得工程。

Headline	Peladang muda harap kontrak diberikan kepada NAFAS		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	26 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

Peladang muda harap kontrak diberikan kepada NAFAS

KONGSI IDEA: Mohd Ridzwan (kiri) bersama Mohd Khomeini pada sidang media selepas Mesyuarat Ahli Jemaah Peladang Muda di Malaysia NPK Fertilizer Sdn Bhd, Gurun semalam. — Gambar Bernama
SUNGAI PETANI: Kerajaan diharap dapat memberikan tender pertanian pad...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Wee: MACC should probe RM1.4bil direct contract award to Nafas

THE RM1.4bil direct contract award for padi subsidies and imports to the National Farmers Organisation (Nafas) should be investigated by the Malaysian Anti-Corruption Commission, says Datuk Seri Dr Wee Ka Siong. "The MACC should investigate as it is their job," the MCA president told reporters at the Parliament building lobby yesterday.

He said that it was puzzling that Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub and his deputy Sim Tze Tzin had given conflicting replies on the issue.

"His deputy said in the Dewan Rakyat that they were not involved in the matter but the very next day, the minister admitted writing a letter to the Prime Minister over the issue," he said.

He added that it did not make sense for Salahuddin to not know about an

open tender advertisement for a padi subsidy related contract.

Dr Wee also noted there were some quarters trying to cloud the issue by blaming others.

"The question I raised was why the open tender was cancelled and later given through direct negotiation," he added.

Meanwhile, when met at the lobby, Sim said he would not entertain claims made on social media that there had been attempts to sabotage Salahuddin over the issue.

Last Thursday, Dr Wee, who is Ayer Hitam MP, raised the issue in Parliament, claiming that an open tender contract had been cancelled.

He claimed this happened after the minister wrote a letter to the Prime Minister on Nov 7 for Nafas to be appointed for padi subsidy related projects for a period of three years

beginning in 2020.

Dr Wee claimed that the deal was given through direct negotiation despite Nafas losing out in an initial open tender.

In response, Salahuddin on Friday admitted he had written a letter to the Prime Minister to award Nafas the contract.

Salahuddin, however, defended his action, saying that he did nothing wrong as the decision on the contract has yet to be finalised by the Finance Ministry.

It was reported by an online portal on Sunday, that a Parti Amanah Negara leader claimed on social media that the ministry's secretary-general had tried to sabotage Salahuddin over the RM1.4bil contract by placing the open tender advertisement without his knowledge.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2019	HARIAN METRO	TENGAH	23

Kuala Lumpur: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub menegaskan bahawa isu pemberian kontrak bernilai RM1.4 bilion secara rundingan terus kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bukan satu skandal.

Ini kerana kata beliau, peruntukan itu masih di Jabatan Perbendaharaan dan mengikut prosedur yang ditetapkan.

“Kalau skandal, ia seperti Lembaga Tabung Haji (TH) dan FGV iaitu duit masuk ke akaun sendiri.

“Tetapi, dalam isu kontrak kepada Nafas, peruntukan RM1.4 bilion masih di (Jabatan) Perbendaharaan yang kita yakin akan diberikan kepada Nafas.

“Jadi, ia bukan satu skandal, kami di Kementerian harmoni dan tiada isu mengenai salah laku,” katanya selepas merasmikan Kongres Benih Asia (ASC) 2019 ke-26 anjuran Persatuan Benih Asia dan Pasifik (APSA), semalam.

Beliau mengulas mengenai isu pemberian

‘Isu beri kontrak bukan skandal’



SALAHUDDIN

kontrak secara rundingan terus kepada Nafas yang didakwa pelbagai pihak termasuk pembangkang boleh menjurus kepada isu rasuah.

Sebelum ini, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong yang juga Ahli Parlimen Ayer Hitam ketika berbahas di Parlimen mendakwa, tiga kontrak bernilai lebih RM1 bilion dibatalkan selepas kementerian berkenaan dikata-

kan mahu menganugerahkan projek kepada Nafas secara rundingan terus.

Ia dipercayai merangkumi dua projek pembekalan input pertanian sektor padi bernilai RM1.4 bilion serta membekal, penghantaran dan kerja pengkapuran membabitkan kontrak bernilai RM54.28 juta.

Dr Wee mendakwa, kontrak pembekalan selama tiga tahun itu dibatalkan walaupun sudah diluluskan Lembaga Perolehan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai kedudukan Ketua Setiausaha (KSU) kementeriannya yang dikatakan dikenakan tindakan berikutan isu terbabit, Salahuddin berkata, pihak media perlu mendapatkan maklum balas daripada Ketua Setiausaha Negara (KSN).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

'Tender RM1.4 bilion bukan skandal'

Salahuddin jelaskan dana tersebut masih di Kementerian Kewangan

MOHD AZLIM ZAINURY

KUALA LUMPUR

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub menegaskan isu pemberian projek melibatkan kementerian itu bernilai RM1.4 bilion secara rundingan terus bukan satu skandal.

Beliau berkata, dana tersebut masih di Kementerian Kewangan dan bukan masuk ke dalam akaun lain seperti yang berlaku dalam beberapa skandal di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Apa yang dilakukan itu masih dalam prosedur yang ditetapkan. Jika skandal, ia seperti skandal Tabung Haji, FGV Holdings Berhad dan 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Duit tersebut masuk ke dalam akaun peribadi atau akaun sesiapa.

"Namun ke mana perginya peruntukan sebanyak RM1.4 bilion itu? Ia masih dalam Perbendaharaan yang kita yakin akan diberikan kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas). Itu sahaja," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kongres Benih Asia 2019 di sini semalam.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee



Salahuddin (dua dari kiri) melawat reruai yang disediakan selepas merasmikan Kongres Benih Asia 2019 di Kuala Lumpur semalam.

Ka Siong meminta pengesahan di Dewan Rakyat mengenai seorang menteri menulis surat sokongan kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ka Siong mempersoalkan pemberian projek pembekalan input pertanian sektor padi kepada Nafas yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.4 bilion dan mendakwa ia diberi secara rundingan terus walaupun tewas dalam tender terbuka.

Salahuddin berkata, tidak salah untuk menulis surat sokongan kerana tender tersebut belum diputuskan dan akhirnya ia akan memberi manfaat kepada Nafas dan bukan beliau.

Mengulas mengenai kenyataan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh bahawa salah dari segi moral untuk menteri mengagihkan projek susulan kenyataan Perdana Menteri berhu-

bung perkara berkenaan, Salahuddin menjelaskan, kenyataan Dr Mahathir itu tidak boleh diambil di luar konteks.

"Saya ada bersama Dr Mahathir ketika itu. Dalam Kabinet pun diberikan penjelasan. Menteri hanya layak untuk tahu. Menteri berhak untuk panggil KSU bagaimana projek diberikan dan jika boleh persoalkan, menteri akan minta isu spesifik mungkin berlaku. Itu maksud Perdana Menteri.

"Saya tidak nampak apa yang dikatakan Dr Mahathir itu seolah-olah menteri juga boleh anugerahkan tender. Itu tidak benar sama sekali," katanya.

Sementara itu, mengenai dakwaan disabotaj oleh Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian berhubung isu tender berkenaan, Salahuddin enggan mengulas lanjut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	4

Isu projek RM1.4 bilion

Rundingan bukan skandal

Salahuddin tegaskan dana masih berada di Kementerian Kewangan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, menegaskan isu cadangan pemberian projek bernilai RM1.4 bilion secara rundingan terus bukan satu skandal.

Salahuddin berkata, dana berkenaan masih berada di Kementerian Kewangan dan bukan masuk ke akaun lain seperti yang berlaku dalam beberapa skandal di bawah pentadbiran kerajaan sebelum ini.

"Saya sudah jelaskan, apa yang dilakukan itu dalam prosedur ditetapkan. Ia bukan skandal.

"Kalau skandal ini, skandal Tabung Haji, FGV (FGV Holdings Berhad) dan IMDB (Malaysia Development Berhad). Duit itu masuk ke dalam akaun peribadi atau akaun sesiapa.

"Namun, ke mana pergi peruntukan RM1.4 bilion itu? Ia masih dalam Perbendaharaan yang kita yakin akan diberikan kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Itu saja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Benih Asia 2019 di sini, semalam.

Beliau mengulas tindakan Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, mempertahankan dakwaannya bahawa cadangan kementerian untuk memberikan projek bernilai RM1.4 bilion secara rundingan terus kepada NAFAS sebagai satu skandal.

Ditanya mengenai dakwaan beliau disabotaj oleh Ketua Setiausaha (KSU) kementeriannya berhubung isu tender itu, Salahuddin berkata:

"Jika ada reaksi luaran, saya rasa kita serahkan kepada pihak bertanggungjawab menyiasat atau memberikan komen. Bukan saya orangnya untuk memberi-



Salahuddin bersalaman dengan peserta yang hadir selepas merasmikan Kongres Benih Asia 2019 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto Rosdan Wahid/BH)

kan maklum balas."

Diminta mengulas sama ada kementeriannya melakukan siasatan dalaman mengenai dakwaan sabotaj itu, Salahuddin sekali lagi menegaskan, siasatan hanya perlu jika wujud skandal.

"Tiada skandal pun. Harmoni saja di kementerian itu. Tiada salah laku, tiada apa berlaku," katanya.

Ditanya sama ada tindakan akan diambil, Salahuddin berkata beliau tidak tahu mengenaiinya dan soalan itu perlu diajukan kepada Ketua Setiausaha Negara.

KSU itu tidak hadir pada program berkenaan.

Mengenai kenyataan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh, bahawa adalah salah dari segi moral untuk menteri menagihkan projek, susulan kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berhubung perkara itu, Salahuddin berkata kenyataan Dr Mahathir itu tidak boleh diambil di luar konteks.

"Saya ada bersama Tun ketika itu dan dalam Kabinet pun di-

berikan penjelasan. Menteri hanya layak untuk tahu. Menteri berhak untuk panggil KSU (bertanya) bagaimana projek itu diberikan dan jika boleh persoalkan, menteri akan minta isu spesifik yang mungkin berlaku. Itu maksud Tun.

"Menteri tidak terpisah. Menteri tetap ada pembabit, komitmen dan tanggungjawab untuk memastikan semua tender itu berjalan dengan baik dan te-

Jika ada reaksi luaran, saya rasa kita serahkan kepada pihak bertanggungjawab menyiasat atau memberikan komen.

Salahuddin Ayub,
Menteri Pertanian
dan Industri Asas Tani

lus di bawah Pakatan Harapan.

"Saya tidak nampak apa yang dikatakan Tun itu seolah-olah menteri juga boleh menganugerahkan kontrak. Itu tidak benar sama sekali," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata Malaysia mempelawa lebih banyak syarikat benih tanaman luar negara meneroka peluang dan menjalankan usaha sama dalam bidang penyelidikan benih di negara ini.

Beliau berkata, Malaysia memiliki iklim tropika yang memudahkan penanaman dilakukan sepanjang tahun, sekali gus membuka ruang kepada syarikat berkenaan untuk menghasilkan benih.

"Ketika ini, kita hanya mempunyai satu syarikat tempatan dan satu syarikat asing dalam pengeluaran benih di negara ini.

"Kebanyakan syarikat tempatan lain di sini adalah peniaga benih dan Malaysia dikenali sebagai negara transit untuk import dan eksport benih kerana lokasinya yang strategik," katanya.



Projek PSR masih belum diputuskan

KUALALUMPUR - Kerajaan negeri Pulau Pinang masih belum menetapkan sejarah keputusan berhubung projek tambahan di selatan Pulau Pinang (PSR) bagi membina tiga pulau buatan di negeri berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin menegaskan segala keputusan bagi projek itu tertakluk kepada kajian penilaian alam sekitar (EIA).

"Ini sudah lama, masih dalam pertincangan, masih belum ditetapkan oleh kerajaan negeri dan ini tertakluk kepada segala EIA,"

"Ia masih dalam pertincangan, segala keputusan mesti tertakluk kepada EIA yang membawa syarat-syarat yang sangat ketat terhadap penambakan," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen semalam.

Hari ini **Sinar** melaporkan keluhuran neyangan di Pulau Pinang yang bimbang dengan nasib mereka sekiranya projek itu diteruskan.

Projek mega penuh komuniti semakin berkurangan.

itu didakwa akan memberi banyak implikasi buruk terutamanya kepada nelayan pesisir laut di seluruh negeri yang sememangnya sudah berdepan dengan pelbagai kesan negatif akibat projek tambakan laut tersebut.

Kesan paling keparalah pendapatan mereka terjejas teruk saban tahun ekoran hasil tangkapan ikan, udang ketam dan sotong yang semakin berkurangan.



SIM TZE TZIN

Seorang nelayan tradisional
meninjau foto di atas
jalinan yang melanda
kerana EIA
memperolehi perincian
Kerajaan Negeri Pulau Pinang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	4

Sokong kontrak berkaitan padi diberi kepada NAFAS

Gurun: Lebih 50 Ahli Jemaah Pengarah Peladang Muda Kedah dan Perlis menyatakan sokongan supaya Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) diberi kontrak secara rundingan terus.

Wakilnya, Mohd Ridzwan Arshad Ahmad, berkata kontrak berkaitan padi wajar diberikan kepada NAFAS bagi membela dan menjaga kebajikan lebih 900,000 ahli pertubuhan itu.

"NAFAS bukan milik individu, tetapi milik peladang, pulangnya nanti bukan dapat kepada orang lain tetapi kepada peladang itu sendiri.


"Perkara ini tiada isu pun sebenarnya kerana amalan sebelum ini iaitu sejak 22 tahun lalu memang kontrak diberikan secara terus kepada NAFAS," katanya pada sidang media di Malaysian NPK Fertilizer, di sini, malam kelmarin.

Bellau berkata, sekiranya kontrak itu diberikan kepada pihak lain ia akan menjejaskan pendapatan lebih 1,000 pekerja NAFAS.

"Sejak 1999 kilang di sini membantu pekerja dan janganlah kerana mainan politik golongan ini menjadi mangsa.

"Kami berharap kontrak ini diberikan secara terus kepada NAFAS, biar ahli peladang merasainya dan bukan menguntungkan individu tertentu," katanya.

Mohd Ridzwan berharap kerajaan tidak tunduk kepada desakan pembangkang yang cuba melakukan sabotaj dalam isu ini.

 **Perkara ini tiada isu pun sebenarnya kerana amalan sebelum ini iaitu sejak 22 tahun lalu memang kontrak diberikan secara terus kepada NAFAS.**

Mohd Ridzwan Arshad Ahmad,
Ahli Jemaah Pengarah Peladang Muda Kedah dan Perlis

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

Sokong secara rundingan terus

GURUN - Ahli Jemaah Pengarah Peladang Muda Kedah Perlis menyokong penuh pemberian tender terus kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (Nafas) seperti amalan yang dilakukan sejak 22 tahun lalu.

Wakilnya, Mohd Ridzwan Arshad Ahmad berkata, pihaknya berharap kerajaan tidak akan melayan gesaan politik pembangkang yang didakwa mempunyai kepentingan apabila membabitkan isu Nafas yang dianggotai lebih 900,000 ahli terdiri daripada peladang yang memiliki saham dalam pertubuhan berkenaan.

"Tidak perlu tunduk terhadap sabotaj mana-mana pihak atau mainan politik sehingga menjejaskan pendapatan dan manfaat ahli.

"Kita mahu siasatan jelas siapa yang bertanggungjawab mencetuskan isu membabitkan peladang ini," katanya kepada media di Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd di sini malam kelmarin.

Menurutnya, Nafas bukan

sebuah syarikat berasaskan keuntungan tetapi menjaga kebajikan ahli melalui Tabung Kumpulan Wang Nafas, selain pengeluaran zakat hampir RM10 juta hingga RM12 juta setahun.

"Kalau tender ini kita beri kepada individu atau syarikat tertentu, kekayaan akan dinikmati oleh pihak berkenaan tetapi tidak mampu melindungi nasib peladang.

"Kita juga ingin membela nasib lebih kurang 1,000 pekerja buat masa ini. Jangan kita hancurkan sekelip mata apa yang telah dibangunkan sejak dahulu hanya kerana mainan politik pembangkang," katanya.

Sebelum ini, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong mempertikalkan tiga kontrak membabitkan padi bernilai lebih RM1 bilion dibatalkan selepas Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dikatakan mahu menuguhkan projek tersebut kepada Nafas secara rundingan terus.



Mohd Ridzwan (duduk di tengah) dan Ahli Jemaah Pengarah Peladang Muda Kedah Perlis pada sidang media di Gurun malam kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2019	SINAR HARIAN	SINAR SIASAT	8

SINAR SIASAT

LAPORAN: ANITA ABU HASAN, RAIHAN SANUSI, SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI dan RIDAUDDIN DAUD



Kru Sinar Siasat turun ke laut untuk melihat sendiri aktiviti nelayan pesisir laut menangkap ikan di Pulau Pinang.

Projek mega perlu patuhi 72 syarat

Kerajaan negeri belum boleh mulakan projek tiga pulau buatan

GEORGETOWN

Projek mega tambakan laut di selatan Pulau Pinang (PSR) yang bakal membina tiga buah pulau buatan tidak akan dilaksanakan selagi kerajaan negeri tidak memenuhi 72 syarat yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, menerusi aku janji yang dilakukan, kerajaan negeri perlu memenuhi kesemua 72 syarat dalam Laporan Kajian Terperinci Kesan Alam Sekitar JAS sebelum memulakan projek bernilai RM11 bilion itu.

Katanya, selain itu projek PSR juga perlu memenuhi 18 nasihat oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).

"Menerusi aku janji tersebut, tiada sebarang pelaksanaan yang

boleh dilakukan jika semua syarat dan nasihat tidak dipenuhi. Projek hanya boleh bermula selepas semua kelulusan diperolehi.

"Ruang yang sedia ada bagi kerajaan negeri adalah untuk memenuhi syarat-syarat yang dikenakan itu. Selagi tidak dipenuhi, kerja tambakan laut tidak boleh buat," katanya ketika dihubungi kru Sinar Siasat di sini semalam.

Bellau mengulas laporan muka depan Sinar Harian yang mendedahkan keluhan lebih 5,000

nelayan di Pulau Pinang yang bimbang dengan projek PSR.

Kon Yeow berkata, pihak terlibat antaranya badan bukan kerajaan (NGO) dan JAS boleh memantau kemajuan syarat yang telah dilaksanakan kerajaan negeri.

"JAS bertanggungjawab memantau pematuan syarat yang dilaksanakan kerajaan negeri. Cadangan untuk mengetahui syarat-syarat ini dipenuhi, kerajaan



Nelayan di Pulau Pinang dan negeri berdekatan dijangka menerima impak paling besar sekiranya projek kontroversi PSR dilaksanakan.

negeri boleh membuat senarai kemajuan syarat yang telah dilaksanakan," katanya.

Bellau berkata, bagi mendapat gambaran menyeluruh tentang sesebuah projek, kerajaan negeri perlu melihat dari pelbagai aspek.

"Setiap projek akan mempunyai kesan positif dan negatif, sama seperti PSR. Antara kebanyakannya ialah ia bakal menjana pembangunan ekonomi 50 tahun akan datang dan sebagai kesinambungan pembangunan industri, namun negatifnya ialah ekologi kehidupan nelayan akan terjejas.

"Bagaimanapun, melalui syarat yang diberikan, kerajaan negeri perlu melaksanakan langkah mitigasi bagi menangani kesan ke atas komuniti nelayan dengan mewujudkan task force nelayan dan menyediakan exit plan serta Pusat

Perkhidmatan Setempat Nelayan yang telah dilaksanakan sejak 2016 lagi," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Pulau Pinang Noralsyah Abu Bakar berkata, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengemukakan ulasan dan pendirian dari segi teknikal perikanan berhubung PSR melalui Penilaian Impak Perikanan yang telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar tahun lalu.

Pada 4 Jun lalu, JAS memberi 72 syarat menerusi surat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar bagi pembinaan PSR.

Antara syarat tersebut ialah pertanya kajian teknikal terperinci serta langkah mitigasi mengikut nasihat teknikal bagi menangani impak projek ke atas sumber perikanan dan komuniti nelayan.



Laporan Sinar Harian semalam.

Tiga pulau buatan musnahkan ekosistem laut

Projek mega di selatan Pulau Pinang dikhuatiri beri kesan kepada alam sekitar

GEORGETOWN

Pembangunan projek mega penambakan laut dan pembinaan tiga buah pulau buatan di selatan Pulau Pinang dikhuatiri akan merosakkan ekosistem laut di negeri itu dalam skala yang besar.

Menurut Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meenakshi Raman, Projek Penambakan Laut di selatan Pulau Pinang (PSR) akan memusnahkan kawasan penangkapan ikan, zon pendaratan penyu dan sebahagian daripada terumbu karang di Pulau Rimau.

Katanya, Jabatan Perikanan mendedahkan tebus guna laut itu juga akan mengganggu kawasan pembalakan, pembesaran ikan dan lahan utama udang kecil yang boleh menjelaskan bilangannya.

"Projek mega ini dikhuatiri akan menyebabkan wujud dataran lumpur, merosakkan tempat penangkapan ikan seperti di Pulau Kendi, menjelaskan kawasan pendaratan penyu seperti di Pulau Kendi, Teluk Kumbang, Gertak Sanggul, Pantai Medan, Pantai



Industri penambakan ikan sangkar di kawasan pembangunan tiga pulau buatan di selatan Pulau Pinang. (dijangka terjejas dengan pembinaan tiga pulau buatan di selatan Pulau Pinang.)



MEENAKSHI

Belanda dan memusnahkan sebahagian terumbu karang di Pulau Rimau.

"Semua kawasan tersebut adalah penting dari segi Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan kerana ia adalah ekosistem penting kepada sumber perikanan di Pulau Mutiara tersebut.

"Kemusnahkan keseluruhan akan menjejaskan sumber perikanan

bankan demi projek pembangunan kerana ia menjadi satu keunikan yang tidak boleh diganti.

"Pulau Pinang akan hilang khazanah, berharga sekiranya penyu tidak lagi mendarat di kawasan pesisiran pantai negeri ini. Kawasan selatan Pulau Pinang mempunyai lima tapak pendaratan penyu termasuk penyu agar dan penyu lipas.

"Selain itu, penambakan itu juga bukan sahaja menjejaskan nelayan pantai tetapi nelayan bot laut dalam dan pengusaha industri ikan dalam sangkar kerana kita memiliki pusat penternakan ikan paling besar di Malaysia iaitu di Sungai Udagang," katanya.

Kata Khoo Salma, semua keburuk projek PSR telah disenaraikan dalam memorandum yang diserahkan kepada wakil Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.

Kesan penambakan laut

- Impak biologi**
 - Aktiviti boleh membekir ekosistem seperti menghancurkan karang, dairan rumput laut dan lain-lain.
 - Canggkahan sedimen boleh menjejaskan keliang berbilang jenis ikan dan lain-lain.
 - Penambakan laut akan mengganggu ekosistem perairan.
 - Penambakan laut akan mengganggu ekosistem perairan.
 - Penambakan laut akan mengganggu ekosistem perairan.
- Impak sosio ekonomi**
 - Pesni penambakan merosot.
 - Jejak sumber pendaratan ikan akan merosot.
 - Penambakan akan mengganggu keselamatan dan kesejahteraan.
- Impak fizikal**
 - Semua kawasan pesisiran dan pulau buatan akan terjejas.
 - Kehilangan kawasan pesisiran dan pulau buatan.



Seekor penyu tempayan atau Loggerhead yang jarang ditemui di perairan Semenanjung Malaysia ditandakan semasa lawatan di penapisan Pantai Pasir Belanda, Pulau Pinang baru-baru ini.

Nelayan Pulau Pinang, Perak akan terseksa

GEORGETOWN - Lebih 10,000 nelayan di Pulau Pinang dan Perak akan terseksa sekiranya projek mega pulau buatan yang dicetuskan kerajaan negeri Pulau Mutiara diteruskan.

Pengerusi Pertubuhan Pencinta Alam Sekitar Pantai Tanjung Bungah, Saiful Lizan Md Yusoff berkata, nelayan di Pulau Pinang dan Perak akan terseksa kerana pasir untuk kerja tambakan akan diambil di perairan negeri itu.

Katanya, batu-batan pula akan diambil dari daerah Kulim, Kedah kerana projek terbabit menggunakan batu-batan dan pasir

dalam jumlah yang sangat besar.

"Bayangkan kesan pengambilan pasir di perairan Perak ini yang dianggarkan sebanyak 189 juta meter padu? Ia sudah pasti akan memusnahkan ekosistem perairan Perak selama lebih 15 tahun.

"Sebab nak buat pelan ini, kawasan lain juga terjejas dan rezeki nelayan di kawasan itu pula diganggu," katanya ketika meninjau lokasi cadangan tambakan Projek Tambakan di selatan Pulau Pinang (PSR) di Permatang Damar Laut di sini bersama kru Sinar Siasat baru-baru ini.



Seorang nelayan wanita, Rosnah Taib merenung nasib yang bakal dilaluinya sekiranya projek mega tambakan laut untuk membina tiga buah pulau buatan diteruskan kerajaan Pulau Pinang.

Menurutnya, dianggarkan lebih 10,000 nelayan dari Pulau Pinang dan Perak akan terjejas sepanjang pembinaan tiga pulau buatan itu dijalankan dan ia belum mengambilkira kesan jangka panjang yang

terpaksa dihadapi selepas projek itu siap kelak

Jelasnya lagi, berdasarkan maklumat, tiga pulau akan dibina pemuju iaitu Pulau A, B dan C yang keseluruhan berkuluasan 4,500 ekar.

Saiful Lizan (kanan) dan Pengerusi Pertubuhan Warisan Tanah dan Teroka Bandar, Zikriyah Ismail memberi penerangan mengenai projek PSR di Jelutong baru-baru ini.

Persatuan Nelayan bimbang tukun tiruan akan musnah

GEORGETOWN - Nelayan akan mengalami kerugian besar jika tukun-tukun tiruan di kawasan perairan Pulau Kendi yang terletak di selatan Pulau Pinang musnah disebabkan projek tambahan laut.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara), Nazri Ahmad berkata, walaupun kawasan itu masih belum diwartakan sebagai kawasan marin namun dengan adanya banyak tukun tiruan di kawasan itu, ia menjadi ancaman pelbagai spesies ikan dan hasil laut yang lain.

Menurutnya, usaha memperbarikan tukun tiruan di kawasan itu sebelum ini disahakan lebaran. Perikanan

dan Lembaga Kenaian Ikan Malaysia (LKIM) dan semua ini, staf itu akan sia-sia sekiranya projek pembinaan tiga pulau buatan ditinggalkan.

Katanya, kawasan perairan Pulau Kendi juga mempunyai kepelbagaian diversiti terutama terumbu karang.

Di kawasan bernadapan Pulau Kendi hari ini di Teluk Kumbang pula baru-baru ini nelayan menemui seekor penyu yang hampir mati dan spesies penyu lainnya terutama kali ditampai di perairan Malaysia.

Meraka beriya menyelamatkan penyu itu. Ladi kawasan itu sememangnya sangat berharga bagi nelayan dan rakyat negeri ini," katanya.



Nazri (tiga kanan) menunjukkan memorandum bantahan projek tambahan laut di selatan Pulau Pinang pada Hari Solidariti Nelayan di Padang Kota Lama, Georgetown baru-baru ini.

Apa yang menyedihkan, kata Nazri, kalau projek tambahan laut itu ditinggalkan kerajaan negeri tidak bersedia untuk menyediakan satu tapak baharu kepada nelayan untuk kelangsungan mereka mencari rezeki.

"Paling kita kecewa ialah Ca-

dadangan kerajaan negeri dan kongsian yang minta nelayan mengubah pekerjaan," katanya.

Nazri mendakwa, Pen Mutiara melakukan bantahan projek PSR sejak 2015 sebaik mengetahui mengenai cadangan untuk pembinaan tiga pulau buatan itu

namun sehingga sekarang pihaknya tidak menerima sebarang maklum balas daripada kerajaan negeri.

Dalam isu ini kita rasakan tiada satu kerjasama antara kerajaan negeri dan rakyat," luahnya.

Dulu Jelutong syurga ikan sembilang

**Projek penambakan
punca jelutong
ditenggelami selut
lebih satu meter**

GEORGETOWN

Landskap kawasan jeli nelayan jelutong yang berpasir menjadikan kawasan perairan itu lubang ikan terutama ikan sembilang. Namun, ia berubah apabila berlaku penambakan laut di kawasan itu sejak 1970-an mengakibatkan kawasan itu sekarang dicemari selut setebal lebih satu meter.

Nelayan Jelutong, Husin Abdullah, 62, berkata, dalam keadaan selut yang terlalu tebal itu, ekosistem marin di kawasan tersebut semakin musnah dari hari ke hari sekali gus memaksa nelayan di kawasan berkenaan keluar lebih jauh untuk menangkap ikan.

"Kawasan ni ditambah dengan batu. Batu-batu yang berat bila tindih tanah di bawah yang lembut, selut akan naik ke permukaan tambakan batu hinggalah selut di kawasan ini sekarang sudah melebihi paras dada.



Projek penambakan laut menyebabkan kawasan perairan di Jelutong berselut.

Katanya, melalui kaedah merawai, ikan yang ditangkap ialah ikan yang berada di dasar laut seperti ikan sembilang, kerapu dan pari.

"Dulu masa ada pasir kawasan ni, ada makanan ikan seperti siput dan sebagainya tapi sekarang ini bila selut tebal, ikan tak ada kerana ikan tak ada tempat nak cari makan dan membaki. Jadi sekarang memang payah dah kami nak cari makan, susah dah nak cari dua tiga ratus ringgit setiap kali turun ke laut.

"Semua kesian buruk ni berlaku sebab projek tambak laut, sama ada di kawasan ini ataupun projek yang berdekatan.

"Ekoran itu saya sebagai nelayan muda memang tak setuju dengan projek PSR yang mahu dilaksanakan kerajaan negeri kerana ia akan menyusahkan lagi keadaan nelayan di negeri ini yang sudah sedia terhimpit," katanya.



Nelayan Jelutong menunjukkan selut yang mencemari kawasan sekitar jeli nelayan, Jelutong.

nak buat projek PSR (Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang), kami bantah sebab kesannya mesti lebih dahsyat lagi," katanya.

Sementara itu, nelayan muda, Ahmad Ajrul Mukminin Mohd Yusof, 28, yang menangkap ikan menggunakan kaedah merawai, berkata, dia terpaksa keluar jauh dari jeli nelayan Jelutong iaitu hingga jambatan Pulau Pinang kedua dan Pulau Rinnau untuk menangkap ikan disebabkan kawasan berdekatan jeli itu tercemar dengan selut tebal.



Sebahagian besar nelayan ikan segar, Mohd Jabar turut mengalami kerosakan besar apabila selut menambak perairan mereka.

kap ikan di kawasan berkenaan.

"Susah dah selut karang nak dapat ikan sembilang, kalau dulu kawasan ini adalah syurga ikan ini tetapi semuanya ini makin hilang kerana tambakan laut memberi kesan dalam tempoh yang panjang apabila selut di kawasan ini semakin hari semakin tebal.

"Pendapatan saya dan semua nelayan terjejas teruk akibat tambakan laut dan sebab itu bila deng-



HUSIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/11/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI/ N.SEMBILAN/ MELAKA	32

Sistem kawal selia

Kerajaan negeri kaji wujud sistem bagi operasi industri sarang walit

NORAFIDAH ASSAN

SEREMBAN

Negeri Sembilan sedang membuat kajian bagi mewujudkan satu sistem untuk mengawal selia operasi industri sarang burung walit.

Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong berkata, sistem itu bagi memastikan industri sarang burung walit diusahakan secara lebih bersistematik.

"Usaha ini bagi mengelakkan kacau ganggu atau bising terma-

suk masalah kebersihan terhadap penduduk.

"Kerajaan negeri memang sedang membuat kajian supaya ada satu sistem untuk kawal selia operasi rumah sarang burung walit berikutan ianya bukan perkara mudah dilaksanakan," katanya pada Persidangan Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan ke-14 di sini semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Saiful Ya-

zan Sulaiman (BN-Johor) yang ingin tahu langkah kerajaan negeri memandangkan ada dalam kalangan pengusaha yang membuat sarang di rumah kedai hingga menimbulkan rungutan penduduk mengenai bunyi bising dan kotor.

Kok Seong (DAP-Bahan)

berkata, ketika ini Majlis Daerah Kuala Pilah menggunakan garis panduan pembangunan industri sarang burung walit yang dikeluarkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang memperuntukkan kaedah kawal selia aktiviti pembangunan premis perladangan sarang burung walit dengan kuasa di bawah pihak berkuasa tempatan.

"Garis panduan ini meliputi antaranya mempertimbang dan meluluskan permohonan lesen premis penernakan dan premis pemprosesan sarang burung walit; menentukan lesen berkaitan dan menetapkan tempoh sah laku lesen serta menimbang-kan dan meluluskan permohonan kebenaran merancang serta pelan atau permit bangunan bagi premis sarang burung walit,"

katanya.

